

# **KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SECARA BERKALA(TIME BASED) BAYARAN INSENTIF PAKAR PERUBATAN (BIP) DALAM PERKHIDMATAN AWAM UNTUK UD53 dan 54**

### **1.0 TUJUAN**

1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan untuk menambahbaik bayaran insentif elaun pakar perubatan secara berkala (time based) di hospital-hospital dan institusi perubatan Kementerian kesihatan Malaysia.

### **2.0 LATARBELAKANG**

2.1 Laporan Bayaran Insentif Pakar dibayar berdasarkan syarat kelayakan yang ditetapkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1990. Kadar Bayaran Insentif Pakar yang sedang berkuat kuasa adalah sebagaimana yang ditetapkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan pindaan mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2008.

Insentif ini telah diperkemas mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2011.

Kadar BIP semasa

<b>Bayaran Insentif Pakar</b>	<b>Kadar Bayaran (RM)</b>
Utama/Khas C dan ke atas	3100
UD 53 dan 54	2800
UD 51 dan 52	2500
UD 47 dan 48	2200

### **3.0 ASAS PERTIMBANGAN**

- 3.1 Ramai Pakar Perunding Perubatan terutamanya UD53/54 telah berkhidmat lebih dari 5 tahun hingga 10 tahun yang berpengalaman tinggi dan melatih Pakar Perubatan baru. Pakar Perunding Perubatan ini diberi BIP yang sama seperti Pakar perubatan UD53/54 yang baru dilantik.

- 3.2 Kebekangan ini, ramai Pakar Perubatan telah berhenti dari perkhidmatan awam dan telah berpindah ke perkhidmatan swasta berdasarkan pendapatan yang tidak setimpal. Penambahbaikan BIP yang berkala akan bantu Pakar Perunding Perubatan untuk berkhidmat dengan lebih giat lagi dan mengurangkan penghijrahan ke sektor swasta.
- 3.3 Penambahbaikan ini adalah setimpal dengan pengalaman serta tanggungjawab Pakar Perunding yang ternyata berbeza dari Pakar Perubatan.

#### **4.0 IMPLIKASI KEWANGAN**

- 4.1 Jika kerajaan bersetuju menimbangkan permohonan ini sudah pasti ianya akan melibatkan pertambahan perbelanjaan, tetapi melibatkan sekumpulan pakar yang bilangannya kecil sahaja. Walaubagaimanapun, ini

merupakan satu cara untuk mengurangkan Pakar Perunding UD 53/54 daripada berhijrah ke perkhidmatan kesihatan swasta atau institut pengajian tinggi swasta.

## **5.0 KESIMPULAN**

5.1 Permohonan ini adalah untuk kerajaan mempertimbangkan penambahbaikan secara berkala(time based) bayaran insentif pakar perubatan (BIP) dalam perkhidmatan awam.

## **6.0 SYOR**

6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurus dan Professional dipohon untuk menimbang syor untuk penambahbaikan secara berkala(time based) bayaran insentif pakar perubatan (BIP) dalam perkhidmatan awam di Hospital – Hospital dan Institusi

Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia seperti yang  
dicadangkan di Lampiran 1.

**Lampiran 1 Bayaran BIP baru berkala(time based) yang  
dicadangkan untuk Gred UD54**

<b>Tempoh perkhidmatan sebagai UD54</b>	<b>Kadar Bayaran sejak 2008 (RM)</b>	<b>Kadar Bayaran Baru dicadangkan (RM)</b>
1 hingga 3 tahun	2800	2800
4 hingga 6 tahun	2800	3300
7 hingga 10 tahun	2800	3800
11 tahun dan ke atas	2800	4300

**DR VASU PILLAI LETCHUMANAN**

**Naib Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan  
[Pengurusan dan professional]  
Pengerusi SCHOMOS 2015 -2016  
Persatuan Perubatan Malaysia**